

PNB

KENYATAAN AKHBAR

**Untuk Siaran Segera
28 Mac 2024**

ASNB ISYTIHAR PENGAGIHAN PENDAPATAN SEBANYAK 5.25 SEN SEUNIT UNTUK ASB 2 DAN 4.75 SEN SEUNIT UNTUK ASM

Jumlah pengagihan pendapatan sebanyak RM2.00 bilion akan memanfaatkan lebih daripada 1.25 juta pemegang unit

- Syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad, Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan untuk dua dana harga tetap iaitu Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2) dan Amanah Saham Malaysia (ASM) bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2024.
- ASB 2 mengisyiharkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM0.67 bilion yang memanfaatkan 552,297 pemegang unit. Pulangan sebanyak 5.25 sen seunit ini mengatasi penanda aras pulangan 2.84% yang dicatatkan oleh Deposit Tetap 12-bulan Maybank sebanyak 241 mata asas (bps).
- Bagi tempoh yang sama, ASM turut mengisyiharkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM1.33 bilion, iaitu bersamaan 4.75 sen seunit kepada 699,807 pemegang unit. Pulangan sebanyak 4.75% ini mengatasi penanda aras yang sama sebanyak 191 bps.

Kuala Lumpur, 28 Mac 2024: Syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), hari ini mengumumkan jumlah pembayaran pengagihan pendapatan sebanyak RM2.00 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2024 untuk dua dana harga tetap iaitu Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2) dan Amanah Saham Malaysia (ASM).

ASB 2 mengisyiharkan jumlah pembayaran pengagihan pendapatan sebanyak RM0.67 bilion, bersamaan 5.25 sen seunit kepada 552,297 pemegang unit yang kini memiliki 12.73 bilion unit, dan ASM mengisyiharkan jumlah pembayaran pengagihan pendapatan sebanyak RM1.33 bilion, iaitu bersamaan 4.75 sen seunit kepada 699,807 pemegang unit dengan pegangan 28.05 bilion unit. Sehingga 25 Mac 2024, ASB 2 merekodkan pendapatan bersih terealisasi sebanyak RM659.95 juta, manakala ASM mencatatkan RM1,416.01 juta.

Kedua-dua dana telah memperolehi pendapatan menerusi pendapatan terealisasi dan dividen daripada pelaburan domestik dan antarabangsa dalam persekitaran inflasi yang tidak menentu serta keraguan terhadap kemelesetan ekonomi yang meningkat. Kedua-dua dana juga telah memperolehi hasil daripada strategi kepelbagai portfolio dalam kelas aset lain seperti harta tanah dan pelaburan persendirian, dengan penekanan terhadap instrumen pendapatan tetap yang menyediakan pendapatan berulang stabil kepada kedua-dua dana tersebut.

Pengagihan pendapatan ASB 2 dan ASM adalah bersamaan dengan jumlah pulangan masing-masing sebanyak 5.25% dan 4.75%, kedua-duanya mengatasi penanda aras Deposit Tetap 12-

Bulan Maybank pada 2.84% sebanyak 241 mata asas untuk ASB 2 dan 191 mata asas untuk ASM.

Pengiraan Pengagihan Pendapatan dan Penangguhan Urus Niaga Dana

Pengiraan pengagihan pendapatan untuk ASB 2 dan ASM adalah berdasarkan purata baki bulanan minimum yang dipegang sepanjang tahun kewangan bagi setiap dana. Pengagihan yang diisyiharkan oleh dana-dana ini akan dilaburkan semula secara automatik ke dalam akaun pemegang unit pada 1 April 2024.

Urus niaga ASB 2 dan ASM di semua cawangan dan ejen ASNB termasuk semua saluran dalam talian dan perbankan internet akan ditangguhkan sementara dari 29 hingga 31 Mac 2024 bagi memudahkan proses pengiraan pengagihan pendapatan. Pemegang unit boleh meneruskan transaksi di portal myASNB di www.myasn.com.my atau melalui aplikasi mudah alih myASNB, atau di mana-mana cawangan atau ejen ASNB di seluruh negara apabila urus niaga beroperasi semula pada 1 April 2024.

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampunan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,600 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Affin Bank, Ambank, Alliance Bank, Bank Islam, Bank Muamalat, Bank Simpanan Nasional, CIMB Bank, Hong Leong Bank, Maybank, RHB Bank dan Pos Malaysia. ASNB kini menguruskan 17 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) kirakira 280 bilion unit daripada lebih 15 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2)

ASB 2 adalah dana unit amanah harga tetap yang dilancarkan pada 2 April 2014. Ia merupakan dana aset campuran yang sesuai untuk pelabur bumiputra yang memahami pulangan dan risiko pelaburan, serta mencari dana dengan potensi pulangan tahunan.

Amanah Saham Malaysia (ASM)

ASM adalah dana unit amanah harga tetap yang dilancarkan pada 20 April 2000. Ia merupakan dana aset campuran yang sesuai untuk pelabur yang memahami pulangan dan risiko pelaburan serta mengharapkan manfaat daripada pertumbuhan jangka panjang dana hasil pelaburan semula pengagihan pendapatan (sekiranya ada) dan penerimaan pendapatan (sekiranya ada) ke atas pelaburan mereka.

Penasihat Pelaburan Robo (RIA)

Penasihat Pelaburan Robo RIA adalah sebagai ciri baharu dalam aplikasi myASNB yang menyediakan perkhidmatan pengurusan pelaburan digital kepada pelabur Malaysia, menawarkan penyelesaian pengurusan portfolio yang pintar, mudah dan diperibadikan. RIA diperkenalkan secara berperingkat mulai 11 Mac 2024 dan akan dilaksanakan sepenuhnya mulai 29 Mac 2024. ASNB sebagai pengendali RIA, dilesenkan dan dikawal selia oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad

Pengagihan Pendapatan

Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2024
Dana Harga Tetap



Jumlah pengagihan	5.25 sen seunit
Jumlah pembayaran pengagihan	RM0.67 billion
Jumlah pemegang unit	552,297



Jumlah pengagihan	4.75 sen seunit
Jumlah pembayaran pengagihan	RM1.33 billion
Jumlah pemegang unit	699,807

Prospektus Induk ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus Induk Tambahan Kedua bertarikh 1 April 2023, Prospektus Induk Tambahan Ketiga bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus Tambahan Kedua ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 1 April 2023, Prospektus Tambahan Ketiga ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021, Prospektus Tambahan Pertama ASN Equity Global bertarikh 1 April 2023, Prospektus Tambahan Kedua ASN Equity Global bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Sukuk bertarikh 25 November 2022 dan Prospektus Tambahan Pertama ASN Sukuk bertarikh 1 April 2023 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC"). Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serahan Produk yang terdapat di laman sesawang (www.asnb.com.my) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.